

UNSUR SATIRA DALAM KUMPULAN SAJAK
EN KANAVUKALUM KONCAM KAVITAIKALUM
KARYA N. PATCHAIBALAN

AGILAN A/L SUBRAMANIAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



UNSUR SATIRA DALAM KUMPULAN SAJAK
EN KAṆAVUKAḶUM KOṆCAM KAVITAİKAḶUM
KARYA N. PATCHAIBALAN

AGILAN A/L SUBRAMANIAM



TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada⁷ (hari bulan).....**Sept**..... (bulan) 20²¹.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, **Agilan A/L Subramaniam, M20191000946, Fakulti Bahasa dan Komunikasi** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Unsur Satira dalam Kumpulan Sajak En Kanavukalum Koncam Kavitaikalum karya N.Patchaibalan**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelas nya dan secukup nya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Prof. Madya Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Unsur Satira dalam Kumpulan Sajak En Kanavukalum Koncam Kavitaikalum karya N.Patchaibalan**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **Sarjana Sastera** (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20 Sept 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Assoc. Prof. Dr. SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malin, Perak, Malaysia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Unsur Satira dalam Kumpulan Sajak En Kanavukalum Koncam
Kavitaikalum karya N.Patchaibalan

No. Matrik /Matric's No.: M20191000946

Saya / I : Agilan A/L Subramaniam

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 20 September 2021



Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan Maha Berkuasa kerana memberi peluang kepada saya menyiapkan kajian ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Madya **Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel** dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Prof. Madya **Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel** selaku penyelia utama sudi menyelia penulisan ini dari peringkat awal hingga peringkat ini. Komen, tunjuk ajar, nasihat dan idea yang bernas dan konstruktif diberikan oleh beliau sepanjang penulisan ini amat membantu dalam menghasilkan satu kajian yang mantap. Cadangan dan nasihat yang diberikan oleh beliau adalah sangat bererti bagi saya. Kajian ini juga tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti pihak pengurusan perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Awam yang secara langsung dan tidak langsung membantu saya mendapatkan bahan rujukan yang relevan untuk penulisan kajian ini. Istimewa buat insan tersayang keluarga atas segala pengorbanan dan jasa baik mereka.

Agilan Subramaniam
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur-unsur satira; menganalisis motif penggunaan unsur-unsur satira berdasarkan teori *aṅkatam* (satira) dan menghuraikan sebab penggunaan unsur-unsur tersebut dalam kumpulan sajak *En Kaṇavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan teori *aṅkatam* yang dipelepori oleh Tolkappiyar. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan teori *aṅkatam* yang terdiri daripada *cemporuḷ aṅkatam* (satira secara langsung) serta *palikara aṅkatam* (satira secara tidak langsung) berdasarkan tiga sasaran yang iaitu individu, masyarakat dan politik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa N. Patchaibalan telah menerapkan kesemua *aṅkatam* yang dikaji kecuali *palippatu pōl pugalvathu* (kejian yang terungkap dengan pujian) yang disasarkan kepada bidang politik. Dari segi *cemporuḷ aṅkatam*, pengkaji dapat mengesan sebanyak 17 sindiran yang merangkumi tujuh sindiran terhadap individu dan lapan sindiran terhadap masyarakat serta dua sindiran ditujukan kepada politik. Selain itu, pengkaji dapat mengesan sebanyak 10 *palikara aṅkatam* yang merangkumi *pugavathu pōl palippatu* (pujian yang terungkap dengan kejian) dan *palippatu pōl pugavathu*. Antara sindiran ini, lapan sindiran berkaitan *pugavathu pōl palippatu*, iaitu tiga sindiran disasarkan kepada individu manakala empat sindiran bersasarkan kepada masyarakat serta satu sindiran ditujukan kepada politik. Sementara itu, dalam dua sindiran berkaitan *palippatu pōl pugavathu*, satu ditujukan kepada individu dan satu lagi terhadap masyarakat. Pengkaji juga mendapati sebanyak 46 sebab penggunaan satira dalam kumpulan sajak tersebut. Kesimpulannya, N. Patchaibalan telah menyelitkan 17 unsur satira yang diutarakan oleh teori *aṅkatam* dalam sajak-sajaknya. Implikasinya, kajian ini mendorong masyarakat India mengambil tindakan proaktif untuk mengatasi kemelut yang dihadapi dalam bidang sosioekonomi dan kebudayaan agar dapat menikmati arus pembangunan negara bersama dengan kaum lain.





ELEMENTS OF SATIRE IN THE POEMS *EN KAṆKAḶUM KOṆCAM KAVITAİKAḶUM* OF N. PATCHAIBALAN

ABSTRACT

The aim of the study is to identify the elements of satire and to analyse the motives for the use of satirical elements based on theory satire to elaborate the reasons for the use of these elements from the poem collection *En Kaṇavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* by N. Patchaibalan. This is a qualitative study and text analysis method is used on *aṅkatam* theory pioneered by Tolkappiyar. The analysis and discussion is made based on the theory of *aṅkatam* which consists of *cemporuḷ aṅkatam* (direct satire) and *palikara aṅkatam* (indirect satire) based on three targets which are from individuals, society and politics. The findings of the study show that N. Patchaibalan had successfully applied all the *aṅkatam* studied except *palippatu pōl pugalvathu* (abominations revealed with praise) which targeted on the political field. In terms of *cemporuḷ aṅkatam*, the researcher was able to detect in total of 17 satires which cover seven satires for individuals, eight satires for society and two satires aimed on politics. Furthermore, the researcher was able to detect as many as 10 *palikara aṅkatam* which include *pugavathu pōl palippatu* (praise revealed with abomination) and *palippatu pōl pugavathu*. Among these satires, eight satires are related to *pugavathu pōl palippatu*, where three satires are targeted at individuals, another four satires are targeted at society and one satire aimed at politics. Meanwhile, in two satires related to *palippatu pōl pugavathu*, one is addressed to the individual and the other to the society. Researchers also found a total of 46 reasons for the use of satire in this collection of poems. In conclusion, N. Patchaibalan had managed to interpolate 17 elements of satire asserted by the theory of *aṅkatam* in his poems. The implication of this study encourages the Indian community to take proactive action to address the crisis faced in the socioeconomics and cultural fields in order to enjoy the national development together with other races.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
TRANSLITERASI	xx
BAB 1 PENGENALAN	



1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	17
1.4	Objektif Kajian	22
1.5	Persoalan Kajian	22
1.6	Kepentingan Kajian	23
1.7	Batasan Kajian	25
1.8	Sumber Kajian	27
1.8.1	Sumber Primer	27
1.8.2	Sumber Sekunder	28
1.9	Definisi Operasional	29
1.9.1	Satira	30
1.9.1.1	Bahasa Sindiran Jenis Ironi.	33



1.9.1.2 Bahasa Sindiran Jenis Sarkastik.	34
1.9.1.3 Bahasa Sindiran Jenis Sinisme.	35
1.9.2 Sajak Tamil	36
1.10 Kesimpulan	37
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	38
2.2 Kajian-kajian Terdahulu	39
2.3 Kesimpulan	55
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	56
3.2 Reka Bentuk Kajian	57
3.2.1 Kerangka Kajian	59
3.3 Kaedah Kajian	60
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	60
3.3.2 Kaedah Analisis Teks	62
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	62
3.4.1 Pembacaan Data	63
3.4.2 Pemilihan Data	63
3.4.3 Pembahagian Data	64
3.5 Kaedah Menganalisis Data	64
3.6 Instrumen Kajian	65
3.7 Teori Kajian	66
3.8 Kerangka Teori	73
3.9 Kesimpulan	73

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Mengenal Pasti dan Menganalisis motif penggunaan unsur-unsur satira dalam Kumpulan Sajak En Kanavukaļum Koñcam Kavitaikaļum karya N. Patchaibalan Berdasarkan Teori ańgkatam yang Dipelopori oleh Tholkappiyar.	76
4.2.1	Cemporuļ Ańgkatam dalam Kumpulan Sajak En Kanavukaļum Koñcam Kavitaikaļum karya N. Patchaibalan Berdasarkan Teori ańgkatam yang Dipelopori oleh Tholkappiyar.	76
4.2.1.1	Cemporuļ Ańgkatam berkaitan Individu.	77
4.2.1.1a	Menyindir Sikap Individu Tidak Dapat Mengawal Hawa Nafsu Menyebabkan Penyakit AIDS/HIV Merebak.	79
4.2.1.1b	Menyindir Sikap Tidak Merancang Keluarga	82
4.2.1.1c	Menyindir Bintang Filem Gemilang Gagal Memelihara Statusnya.	84
4.2.1.1d	Menyindir Hakim Gagal Menjalankan Tugasnya dengan Penuh Prihatin.	87
4.2.1.1e	Menyindir Sikap Pengusaha Ladang Tidak Menghargai Sumbangan Pekerjaanya.	90
4.2.1.1f	Menyindir Wanita Sanggup Menjadi Pelacur	93
4.2.1.1g	Menyindir Pemiutang yang Zalim.	95
4.2.1.2	Cemporuļ Ańgkatam Berkaitan Masyarakat.	99
4.2.1.2a	Menyindir Dasar Pemilihan Teks Kesusasteraan Tamil SPM.	101
4.2.1.2b	Menyindir Golongan Muda India Tidak Mahu Melakukan Mobiliti Sosial.	106

4.2.1.2c	Menyindir Golongan Muda India Cenderung Melibatkan Diri Dalam Kegiatan Jenayah.	110
4.2.1.2d	Menyindir Ketidakecekapan Pemimpin Menguruskan Harta Milik Bersama Kaum India	113
4.2.1.2e	Menyindir Sikap Masyarakat India Retorik yang Tidak Proaktif dalam Menyelesaikan Masalahnya	119
4.2.1.2f	Menyindir Masyarakat India yang Ketagihan Arak.	126
4.2.1.2g	Menyindir Sikap Penghambaan Masyarakat India.	132
4.2.1.3	Cemporul Angkatam Berkaitan Politik.	141
4.2.1.3a	Menyindir Pihak Berkuasa Kurang Prihatin. Terhadap Rayuan Masyarakat India.	142
4.2.1.3b	Menyindir Sikap Pihak Berkuasa yang Kurang Proaktif dalam Menyelesaikan Masalah Masyarakat India.	147
4.2.2	Palikara Angkatham dalam Kumpulan Sajak En. Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum karya N. Patchaibalan Berdasarkan Teori angkatam yang Dipelopori oleh Tholkappiyar.	158
4.2.2.1	Palikara Angkatham dalam Kumpulan Sajak En. Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum karya N. Patchaibalan Berdasarkan Teori angkatam yang Dipelopori oleh Tholkappiyar	158
4.2.2.1a	Pugalvatu Pōl Palippatu Berkaitan Individu.	159
4.2.2.1a (i)	Pujian Terselit Sindiran Terhadap Sikap Penyair Mencipta Sajak Sekadar Mencari Kepopularan.	160

4.2.2.1a (ii) Pujian Terselit Sindiran Terhadap Memuji Sikap Penyair Menggambarkan Kezaliman dalam Mitos Tetapi Tidak Berani Menggambarkan Kezaliman Dalam Masyarakat	163
4.2.2.1b Pugavatu Pōl Palippatu Berkaitan Masyarakat	168
4.2.2.1b (i) Pujian Terselit Sindiran Terhadap Sikap Penganut dan Penganjur Thaipusam Melihatnya Sebagai Pesta Beli-belah.	169
4.2.2.1b (ii) Pujian Terselit Sindiran Terhadap Usaha Memelihara Bahasa Tamil Dengan Menggunakan Bintang Filem Tamil	174
4.2.2.1c Pugavatu Pōl Palippatu Berkaitan Politik.	180
4.2.2.1c(i) Menyindir Pemimpin Politik yang lebih Bersikap Retorik daripada Proaktif.	181
4.2.2.2 Palippathu Pol Pugazhvathu dalam Kumpulan Sajak En Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum karya N. Patchaibalan Berdasarkan Teori angkatam yang Dipelopori oleh Tholkappiyar.	185
4.2.2.2a Palippathu Pol Pugazhvathu Berkaitan Individu.	186
4.2.2.2a (i) Menyindir Wanita Estet Kelihatan Comot Namun Memuji Kecantikan Mereka.	186
4.2.2.2b Palippathu Pol Pugazhvathu Berkaitan Masyarakat.	188
4.2.2.2b (i) Sindiran Terselit Pujian Terhadap Kehidupan Masyarakat India Di Ladang.	189
4.2.2.2c Palippathu Pol Pugazhvathu Berkaitan Politik.	193
4.3 Menganalisis Sebab Penggunaan Unsur-unsur Satira Dalam Kumpulan Sajak En Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum karya N. Patchaibalan	196
4.3.1 Sebab Menyindir Sikap Tidak Dapat Mengawal Hawa Nafsu Menyebabkan Penyakit AIDS/HIV Merebak	196
4.3.1.1 Penyakit AIDS/HIV Tiada Penawarnya.	197

4.3.1.2	Penyakit AIDS Semakin Meningkat di Negara ini Akibat Pergaulan Bebas Bakal Mengancam Generasi Akan Datang.	197
4.3.1.3	Meruntuhkan Sistem Kekeluargaan.	199
4.3.2	Sebab Menyindir Sikap Tidak Merancang Keluarga.	200
4.3.2.1	Mencetuskan Masalah Kemiskinan.	200
4.3.2.2	Sikap Merancang Keluarga Memelihara Kualiti Hidup Keluarga.	202
4.3.3	Sebab Menyindir Bintang Filem Gemilang yang Gagal Memelihara Statusnya.	202
4.3.3.1	Peringatan Kepada Bintang Filem Lain.	203
4.3.3.2	Peringatan Kepada Bintang Filem Gemilang Bersikap Tidak Wajar.	204
4.3.3.3	Peringatan Kepada Para Pemuda yang Memuja Bintang Filem Gemilang.	205
4.3.4	Sebab Menyindir Hakim Gagal Menjalankan Tugasnya dengan Penuh Prihatin.	206
4.3.4.1	Keputusan dan Tindakan Hakim Menentukan Nasib Tertuduh	207
4.3.4.2	Keputusan dan Tindakan Hakim Turut Menentukan Nasibnya Sendiri	207
4.3.5	Sebab Menyindir Sikap Pengusaha Ladang Tidak Menghargai Sumbangan Pekerjaanya.	209
4.3.5.1	Pengusaha Ladang Mengutamakan Keuntungan Lumayan Berbanding dengan Kebajikan Pekerjaanya.	209
4.3.5.2	Masyarakat Ladang Tetap Hidup Dalam Kemiskinan.	211
4.3.6	Sebab Menyindir Wanita yang Sanggup Menjadi Pelacur.	212
4.3.6.1	Pelacur Kehilangan Kedudukan dalam Masyarakat.	212
4.3.6.2	Membahayakan Kesihatan Diri dan Pelanggannya.	213

4.3.6.3 Semua Agama Melarang Kegiatan Pelacuran	214
4.3.7 Menyindir Pemiutang yang Zalim.	216
4.3.7.1 Tindakan Kejam Pemiutang Mengancam Keselamatan Peminjam dan Keluarganya.	216
4.3.7.2 Pemiutang Mengenakan Kadar Bunga Terlalu Tinggi untuk Memerangkap Peminjam Selama-Lamanya.	217
4.3.7.3 Menyeru Kepada Masyarakat Mengamalkan Kehidupan Sederhana	218
4.3.8 Menyindir Dasar Pemilihan Teks Kesusasteraan Tamil SPM	219
4.3.8.1 Karya Tempatan Sesuai dijadikan Teks Kesusasteraan Tamil.	220
4.3.8.2 Teks Kesusasteraan Tamil berasaskan Karya Dari Tamil Nadu Kurang Sesuai untuk Pelajar Tempatan	221
4.3.8.3 Membawa Perkembangan Kesusasteraan Tamil Tempatan	222
4.3.9 Menyindir Golongan Muda India Tidak Mahu Melakukan Mobiliti Sosial.	223
4.3.9.1 Tidak Melengkapkan Diri Dengan Pendidikan dan Kemahiran Sesuai	223
4.3.9.2 Cenderung Melibatkan Diri Dalam Kegiatan Jenayah	225
4.3.10 Menyindir Golongan Muda India Cenderung Melibatkan Diri Dalam Kegiatan Jenayah	226
4.3.10.1 Masa Depan Golongan Muda Terjejas.	226
4.3.10.2 Ibu Bapa Gagal Mengasuh Anak Mereka Dengan Baik	228
4.3.10.3 Imej Masyarakat India Terjejas	229
4.3.11 Menyindir Ketidakecakapan Pemimpin Menguruskan Harta Milik Bersama Kaum India	230

4.3.11.1	Pihak Dilantik Menguruskan Badan-Badan ini Kurang Cekap	231
4.3.11.2	Ketiadaan Sifat Amanah dan Akauntabiliti Dalam Kalangan Pemimpin	233
4.3.11.3	Membawa Kerugian Besar Kepada Masyarakat India.	235
4.3.12	Menyindir Sikap Masyarakat India Retorik yang Tidak Proaktif dalam Menyelesaikan Masalahnya	236
4.3.12.1	Masyarakat India Dapat Mencapai Kejayaan Dengan Sikap Proaktif dan Menjauhi Retorik.	237
4.3.13	Menyindir Masyarakat India yang Ketagihan Arak	239
4.3.13.1	Mencetuskan Pelbagai Masalah Sosial Dalam Masyarakat India.	239
4.3.13.2	Menjejaskan Kesihatan Peminum.	240
4.3.13.3	Menjejaskan Imej Masyarakat India.	241
4.3.14	Menyindir Sikap Penghambaan Masyarakat India.	242
4.3.14.1	Melunturkan Sifat Penghambaan dan Memupuk Sifat Penghargaan Diri	244
4.3.15	Menyindir Pihak Berkuasa Kurang Prihatin Terhadap Rayuan Masyarakat India	246
4.3.15.1	Merayu Keprihatinan Kerajaan Terhadap Rayuan Masyarakat India.	247
4.3.16	Menyindir Sikap Pihak Berkuasa yang Kurang Proaktif dalam Menyelesaikan Masalah Masyarakat India	249
4.3.16.1	Peringatan Kepada Pihak Berkuasa Akan Tanggungjawab Terhadap Kaum Minoriti	249
4.3.16.2	Masyarakat Harus Berdikari Dengan Mengambil Iktibar Daripada Kejayaan Orang Lain	251
4.3.17	Pujian Terselit Sindiran Terhadap Sikap Penyair Mencipta Sajak Sekadar Mencari Kepopularan.	254

4.3.17.1	Menyeru Menghasilkan Sajak yang Menjiwai Masyarakat	255
4.3.18	Pujian Terselit Sindiran Terhadap Sikap Penyair Menggambarkan Kezaliman dalam Mitos Tetapi Tidak Berani Menggambarkan Kezaliman Dalam Masyarakat	256
4.3.18.1	Menyeru Menggunakan Mitos Sebagai Wahana Mengkritik Sifat Durjana Segelintir Pemimpin	257
4.3.19	Pujian Terselit Sindiran Terhadap Sikap Penganut dan Penganjur Thaipusam Melihatnya Sebagai Pesta Beli-belah.	258
4.3.19.1	Aktiviti-aktivit Bercorak Agama Wajar Dijalankan.	259
4.3.19.2	Bangunan Sekolah Tamil Di Kawasan Kuil Harus Dipelihara oleh Jawatankuasa Kuil	260
4.3.20	Pujian Terselit Sindiran Terhadap Usaha Memelihara Bahasa Tamil dengan Menggunakan Bintang Filem Tamil	262
4.3.20.1	Penggunaan Bintang Filem Akan Membawa Kesan Timbal Balik Negatif dalam Masyarakat Tamil.	262
4.3.21	Pujian Terselit Sindiran Terhadap Pemimpin Politik Lebih Bersikap Retorik daripada Proaktif.	264
4.3.21.1	Peringatan Kepada Pemimpin Semasa Mengelakkan Sikap Retorik	264
4.3.22	Sindiran Terselit Pujian Terhadap Wanita Tamil di Estet Kelihatan Comot.	266
4.3.22.1	Peranan Wanita Tamil Dalam Ekonomi Keluarga dan Sektor Perladangan Harus Dihargai.	266
4.3.22.2	Memuji Kecantikan Pekerja Wanita Tamil.	267
4.3.23	Sindiran Terselit Pujian Terhadap Masyarakat India di Ladang	269

4.3.23.1	Menyeru Masyarakat India Meninggalkan Pekerjaan di Ladang	270
4.3.23.2	Memuji Corak Kehidupan Kaya Dengan Unsur-unsur kebudayaan dan Nilai-nilai Kemasyarakatan	271
4.4	Kesimpulan	277
BAB 5 KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	280
5.2	Analisa Dapatan Kajian	281
5.2.1	Mengenal pasti dan menganalisis motif penggunaan unsur-unsur satira yang digunakan dalam kumpulan sajak En Kanavukaļum Koñcam Kavitaikaļum karya N. Patchaibalan.	281
5.2.2	Sebab-sebab penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan.	284
5.2.2.1	Sebab-sebab penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan Berkaitan Individu	284
5.2.2.2	Sebab-sebab penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan Berkaitan Masyarakat.	288
5.2.2.3	Sebab-sebab penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan Berkaitan Politik.	291
5.3	Cadangan dan Kajian Lanjutan	292
5.4	Kesimpulan	294
RUJUKAN		296

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kumpulan Sajak Tamil Karya N. Patchaibalan yang Dikaji	25
3.1	Jadual Mengenal pasti dan Menganalisis Unsur Satira Cemporul Ángkatam dalam kumpulan sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum karya N. Patchaibalan	66
3.2	Jadual Mengenal pasti dan Menganalisis Unsur Satira Palikara Ángkatam dalam kumpulan sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum karya N. Patchaibalan	66
4.1	Isu-isu ‘Cemporul Ángkatam’ berkaitan Individu dalam Kumpulan Sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum Karya N. Patchaibalan	78
4.2	Isu-isu ‘Cemporul Ángkatam’ berkaitan Masyarakat dalam Kumpulan Sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum karya N. Patchaibalan	100
4.3	Senarai Teks Novel dan Drama Mata Pelajaran Kesusasteraan Tamil Peringkat SPM, 1981-2020	104
4.4	Jadual Pelaburan GATCO Pada Tahun 1989- 127	115
4.5	Isu-isu ‘Cemporul Ángkatam’ berkaitan Politik dalam Kumpulan Sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum Karya N. Patchaibalan	142
4.6	Sindiran Berupa ‘Pugalvatu Pōl Palippatu’ Berkaitan dengan Individu dalam Kumpulan Sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum karya N. Patchaibalan	160
4.7	Isu-isu Berkaitan Sindiran ‘Pugalvatu Pōl Palippatu’ berkaitan Individu dalam Kumpulan Sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum karya N. Patchaibalan	169
4.8	Sindiran ‘Pugalvatu Pōl Palippatu’ yang Berkaitan dengan Politik dalam Kumpulan Sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum karya N. Patchaibalan	180
4.9	Sindiran ‘Palippatu Pōl Pugalvatu’ berkaitan dengan Individu Dalam Kumpulan Sajak En Kanavukałum Koñcam Kavitaikałum Karya N. Patchaibalan	186



4.10	Isu ‘Palippatu Pōl Pugalvatu’ berkaitan dengan masyarakat dalam Kumpulan Sajak En Kanavukaļum Koñcam Kavitaikaļum karya N. Patchaibalan	189
4.11	Bilangan Penduduk India di Malaya / Malaysia, Tahun 1921-1980	191
4.12	Sindiran ‘Palippatu Pōl Pugalvatu’ berkaitan dengan Politik dalam Kumpulan Sajak En Kanavukaļum Koñcam Kavitaikaļum karya N. Patchaibalan	193
4.13	Statistik Kes HIV dan AIDS dalam Kalangan Belia Berumur 15 hingga 40 Tahun, Tahun 2015-2017	198
4.14	Perbandingan Gaji dan Tugas Harian Penoreh Getah dan Pekerja Am di Ladang	210
4.15	Rahsia Kejayaan Kaum China dalam Perniagaan	252



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian Unsur-unsur Satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan	59
3.2	Kerangka Teorikal Kajian Teori angkatam	73





NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p. XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஓ	:	<i>O</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஔ	:	<i>Ō</i>
ஈ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஒள	:	<i>au</i>

CONSONANTS

க	:	<i>k</i>	ங	:	<i>ṅ</i>	ய	:	<i>Y</i>
ச	:	<i>c</i>	ஞ	:	<i>ñ</i>	ர	:	<i>r</i>
ட	:	<i>ṭ</i>	ண	:	<i>ṇ</i>	ல்	:	<i>L</i>
த	:	<i>t</i>	ந	:	<i>n</i>	வ	:	<i>V</i>
ப	:	<i>p</i>	ம்	:	<i>m</i>	ழ	:	<i>ḷ</i>
ற்	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>ṇ</i>	ள்	:	<i>ḷ</i>

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	<i>J</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ṣ</i>	க்ஷ	:	<i>kṣ</i>
ஹ்	:	<i>H</i>			





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Sajak Tamil (*putukavitai*) adakala dirujuk sebagai sajak moden Tamil adalah sama dengan sajak bahasa Melayu lahir akibat evolusi dalam bidang puisi Tamil itu sendiri dan dikatakan hadir sejak 1960-an di Malaysia (Govindan, N. N. 2005). Dalam sejarah perkembangan puisi Tamil, selepas puisi *Caṅkam* (Zaman Akademia Tamil), sajak Tamil ini lebih menekankan perasaan melalui masyarakat yang dipaparkannya. Oleh itu, sajak Tamil ialah cermin yang menggambarkan minda manusia. Namun, sajak Tamil merupakan genre sastera yang hadir paling lewat dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Sajak Tamil ini dikatakan mula berkembang di Malaysia pada tahun 1964 (Govindan, N. N. 2005). Sajak Tamil ini dikarang dengan menggunakan pelbagai teknik termasuk unsur satira.





Namun, satira merupakan unsur yang paling utama dalam sajak Tamil ini (Ezilmutalvan, 1995). N. Patchaibalan merupakan seorang penulis sajak Tamil Malaysia yang terkenal di Malaysia. Setakat ini beliau telah menerbitkan tiga buah kumpulan sajak.

Menurut Ezilmutalvan, satira merupakan suatu unsur tertua dalam kesusasteraan Tamil. Unsur ini lebih dikenali sebagai *aṅkātam* turut dibincangkan oleh pendeta Tamil agung Tolkappiyar dalam karyanya *Tolkāppiyam* (Tamilannal, 2012). Oleh itu, kajian ini adalah satu usaha untuk meninjau unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan. Sehubungan ini, bab ini membincangkan latar belakang, permasalahan, objektif, batasan, kepentingan, sumber dan definisi operational kajian ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Kumpulan sajak Tamil Malaysia muncul agak lewat dalam arena kesusasteraan Tamil di Malaysia. Menurut Govindan, N. N. (2005), sajak Tamil pertama yang muncul dalam arena kesusasteraan Tamil Malaysia ialah sajak yang bertajuk *Kaḷḷappārṭṭukaḷ* hasil karya C. Kamalanathan. Sajak Tamil ini disiarkan dalam akhbar *Tamiḷ Muracu* pada 21 Mei 1964. Sementara itu, Ramaiah, M. dalam bukunya yang berjudul *Malēciya Tamiḷ Ilakkiya Kaḷaṅciyam* menyatakan bahawa sajak Tamil pertama Malaysia bertajuk *Kaḷḷappārṭṭukaḷ* ciptaan C. Kamalanathan disiarkan dalam akhbar *Tamiḷ Malar* pada bulan April 1965 (Murasu Nedumaran, 1997). Mengikut D.V. Rahgavan Pillai dalam artikel bersirinya bertajuk *Malēciya Tamiḷ Kavitaikaḷ* (Puisi Tamil Malaysia) yang diterbitkan dalam akhbar



Tamil Malar pada bulan Jun 1975 turut menyatakan bahawa C. Kamalanathan telah menghasilkan sajak Tamil Malaysia yang pertama (Govindan, N. N. 2005). Justeru, adalah jelas bahawa C. Kamalanathan ialah pelapor kumpulan sajak N. Patchaibalan walaupun tarikh dan surat khabar yang menyiarkannya adalah berbeza-beza. Seterusnya, pada bulan April 1965, sekali lagi C. Kamalanathan menghasilkan sajak keduanya berjudul *Kālappaṭukaḷ*. Oleh itu, antara tempoh masa ini, genre sajak Tamil tidak menampilkan sebarang perkembangan kerana merupakan genre baru dan kurang pendedahan (Govindan, N. N. 2005)

Selepas suatu tempoh yang lembab, sajak Tamil mula muncul dalam akhbar dan majalah Tamil tempatan pada pertengahan tahun 1965. Akhbar seperti *Tamil Muracu*, *Tamil Malar* dan *Tamil Ōcai* serta majalah seperti *Utayam*, *Vānampāṭi* dan *Nayanam* banyak menyiarkan sajak Tamil dan mendapat sambutan baik daripada para penyajak Tamil. Akhbar dan majalah inilah memainkan peranan penting dalam perkembangan kumpulan sajak N. Patchaibalan (Murasu Nedumaran, 1997).

Antara majalah tersebut, majalah *Vānampāṭi* telah memberi sumbangan terbesar dalam perkembangan sajak ini. Setelah penyajak Athi Kumanan meletakkan jawatan sebagai ketua pengarang dalam akhbar *Tamil Malar*, beliau telah menerbitkan majalah mingguan *Vānampāṭi*. Majalah mingguan ini telah mendapat sambutan baik dalam kalangan pembaca Tamil. Athi Kumanan selaku seorang penyajak memberi sokongan kuat kepada sajak Tamil ini dengan menyiarkannya dalam majalah mingguannya. Selain itu, penyajak Sugumaran yang membawa nama samaran Agni turut memainkan peranan

penting. Sebenarnya, kedua-dua penyajak ini dikatakan mempopularkan genre (Govindan, N. N. 2005). Sokongan majalah ini telah memberi dorongan kepada para penyajak untuk menghasilkan sajak Tamil. Oleh itu, peranan majalah ini dalam perkembangan sajak ini disebut sebagai peringkat atau zaman *Vānampāṭi* dalam sejarah perkembangan kumpulan sajak N. Patchaibalan (Murasu Nedumaran, 1997).

Kemunculan genre baru ini telah menarik perhatian banyak pengkarya puisi tradisional (*kavitai*). Dalam tahun 1960-an dan 1970-an, banyak penyair yang terkenal ketika itu mula berjinak-jinak dengan genre baru ini. Antara penyair tersebut yang terdiri daripada K. Thiruvarasu, I. C. Visuvanathan, R. Sandamaarutham, Athi Kumanan, Rajakumar, M. Turairaj, Akkini, M.A. Elanchelvan dan penyajak-penyajak lain telah memberi sumbangan terbesar kepada perkembangan sajak Tamil ini. Antara penyajak ini, M.A. Elanchelvan telah tergelar sebagai bapa kumpulan sajak N. Patchaibalan. Sementara itu, pelopor kumpulan sajak N. Patchaibalan ini, C. Kamalanathan, telah menghasilkan lebih daripada 50 buah cerpen dalam tempoh masa ini (Govindan, N. N. 2005).

Tempoh masa antara tahun 1977 hingga 1987 boleh dianggap sebagai zaman peralihan dalam perkembangan sajak Tamil ini. Ketika itu, bilangan sajak dan penyajak telah terus meningkat. Banyak lagi penyair terkenal seperti Bairoji Narayanan dan M. Thurairaj di samping penyajak seperti Athi Kumanan, Rajakumar, Akkini, M.A. Elanchelvan, Nilavannan dan C. Muthusamy telah mula menghasilkan genre baru ini dengan penuh azam baru (Govindan, N. N. 2005).

Selain itu, para pengkaji dan pengkritik kesusasteraan Tamil Malaysia yang terdiri daripada R. Dandayudam, R. Kartigesu, M.A. Elanchelvan, M. Shanmugasiva, S. Jivanathan dan S. Anpalagan telah turut memberi sumbangan ke arah perkembangan genre baru ini dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Mereka telah membentangkan kertas-kertas kerja berkaitan dengan kumpulan sajak N. Patchaibalan. Mereka telah memberi ulasan dan kritikan bernas yang mencetuskan nafas baru dalam perkembangan kumpulan sajak N. Patchaibalan (Murasu Nedumaran, 1997).

Namun demikian, perkembangan sajak Tamil turut menghadapi rintangannya. Genre sajak Tamil ini menerima kecaman daripada penyair-penyair puisi tradisional. Penyair tersohor T.S. Ponnusamy telah membantah kehadiran sajak ini dalam puisi Tamil Malaysia. Beliau telah membidas sajak Tamil seperti berikut

Tanpa ibu tanpa bapa
Lahirlah anak luar nikah
Tanpa irama tanpa bentuk
Lahirlah sajak moden.
(Murasu Nedumaran, 1997:19)

Kecaman seumpama ini daripada penyair puisi tradisional tidak mematahkan semangat dan minat penyajak. Malahan, para penyajak terus menghasilkan sajak yang berkualiti. Di samping itu, penyajak sajak Tamil juga turut mempertahankannya melalui rencana mereka dalam akhbar tempatan. Penyajak M.A. Elanchelvan telah membalas bantahan penyair puisi tradisional tersebut dalam sajaknya seperti berikut:

Pendukung sastera
Oh..... anak burung kakaktua!
Engkau
Berasmara di katil!
Setelah
memasang tali dan menetap batasan
Tetapi,
Kata-kata engkau tidak berperasaan
Katil menjadi kapan
Engkau
Lahirkan mayat.
(Murasu Nedumaran, 1997:191).

Melalui sajak ini, penyajak M.A. Elanchelvan menyindir penyair puisi tradisional secara tajam. Menurut beliau, walaupun puisi tradisional dihasilkan berdasarkan hukum *Yāppu* (bentuk dan peraturan), namun penggunaan kata yang tidak berperasaan telah melahirkan puisi tradisional yang tidak bermaya. Pada masa sekarang, walaupun tentangan terhadap genre ini mula berkurangan, namun penyair puisi tradisional masih tidak menerima sajak Tamil sebagai sebuah genre puisi Tamil. Mereka masih menganggap sajak Tamil sebagai lontaran prosa atau *uraivīccu* (Murasu Nedumaran, 1997).

Dalam pada itu, antologi sajak Tamil pertama ialah hasil karya M.A. Elanchelvan berjudul *Nēruppu Pūkkal* diterbitkan pada tahun 1977. Seterusnya, antologi sajak berjudul *Puḷḷikaḷai Purakkaṇikkum Putukkōlaṅkaḷ* (1979), *Kōlaṅkaḷ* hasil karya R. Dandayudam (1979), *Kaṇā Maḷuṭaṅkaḷ* karya Akkini (1984), dan hasil karya A. S. Francis berjudul *Uṇavum Uṛakkamum* (1985) dan *Kalvettukkaḷ Kāttuk Kiṭakkinraṇe* (1986) dan *Nilālaic Cumakkum Veḷiccam* (1988) hasil karya P. Ramu dan Saru. Murali turut diterbitkan (Govindan, N. N. 2005).

Selanjutnya, A. S. Francis telah menghasilkan enam buah lagi antologi sajak Tamil berjudul *Veḷiccam Vilai Pōkinratu* (1988), *Ōriravu Malarkaḷ* (1989), *Ciraku Virikkum Cinnakkuyilkaḷ* (1989), *Putuvānam Pularntatu* (1993), *Cikaraṅkaḷum Paḷḷattākkukaḷum* (1993) dan *Ūcipōṇe Uṛavukaḷ* (1993). Berikutan ini, A. S. Francis telah menempa tempat sebagai penyajak profilik dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan (Govindan, N. N. 2005).

Sementara itu, tempoh masa ini turut memperlihatkan hasil karya penyajak profilik lain. M.A. Elanchelvan telah menerbitkan antologinya berjudul *Imaikkāta Cūrinḱaḷ* (1989). Selain itu, *Putiya Cācanēṅkaḷ* (1991) dan *Vānavil* (1993) hasil karya J. Thangathurai dan *Kaṇṇāṭic Citaralkaḷ* (1992) turut diterbitkan (Govindan, N. N. 2005).

Seterusnya, M.A. Elanchelvan yang digelar sebagai bapa sajak Tamil telah melakukan banyak usaha untuk membawa genre sajak ini kepada pembaca dan pengkarya sajak Tamil. Oleh itu, beliau telah menubuhkan *Malaysia Tamil Ilakkiya Cintanai* (Pertubuhan Pemikiran Sastera Tamil Malaysia) pada penghujung 1970-an untuk memartabatkan sajak Tamil dalam arena kesusasteraan Tamil Malaysia. Beliau dengan kerjasama dua orang penyajak terkenal, iaitu S. Muthusamy dan Nilavannan telah menganjurkan Seminar Sajak Tamil Malaysia yang pertama pada 25 Ogos 1979 di Sungai Petani, Kedah. Seminar ini menjadi pendorong kepada perkembangan sajak Tamil Malaysia. Seterusnya, pada 23 Disember 1988, M.A. Elanchelvan telah menganjurkan Seminar Sajak Tamil Malaysia yang kedua di Kulim, Kedah. Kertas kerjanya berkaitan dengan sajak Tamil dalam seminar tersebut telah memberi azam kepada para penyajak untuk terus berkesinambungan dalam sajak Tamil ini.

Dalam pada itu, Seminar Sajak Tamil Malaysia Ketiga diadakan di Ayer Tawar, Perak. Seminar ini telah menimbulkan polimik sastera dalam akhbar tempatan (Murasu Nedumaran, 1997). Seminar-seminar tersebut telah melahirkan penyajak Tamil seperti V. Rajeswari, K. Muniandy, Nagarajan, S. Murugaiah, T. Vijayanathan, Mukilarasan, Jegaveera Pandian dan Sundrambal di samping berjaya merintis jalan kepada sajak Tamil Malaysia (Govindan, N. N. 2005).

Selanjutnya, sempena sambutan Ulangtahun ke-50 Datuk Seri S. Samy Vellu, parti politiknya Malaysian Indian Congress telah menganjurkan peraduan mengarang sajak Tamil pada tahun 1986. Peraduan ini menawarkan hadiah-hadiah yang bernilai sebanyak RM 2,000.00 untuk johan, RM 1,000.00 untuk naib johan dan RM 500.00 untuk tempat ketiga. Hadiah yang bernilai seumpama ini telah mendorong ramai penyajak untuk mengarang sajak Tamil yang lebih bermutu. Peraduan seumpama ini juga menggalakkan perkembangan sajak Tamil di negara ini (Murasu Nedumaran, 1997).

Di samping itu, usaha pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi juga mendorong perkembangan sajak Tamil dan membantu mengasah bakat dalam kalangan penyajak Tamil, terutama golongan muda. Sempena Minggu Kebudayaan dan Kesusasteraan, Universiti Malaya telah menganjurkan majlis mendeklamasi sajak Tamil pada tahun 1987. Majlis mendeklamasi sajak ini telah memberi pengiktirafan kepada sajak Tamil dan turut membantu dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia (Murasu Nedumaran, 1997). Di samping itu, pihak Univerisiti Malaya juga menganjurkan seminar Sajak Tamil bertajuk Pendekatan Baru dalam Sajak Tamil (*Putunōkkil Putukkavitai*) pada 15.9. 1996

dan Seminar Kritikan Sajak Tamil pada 9.3.2000. Di samping itu, Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya turut menganjurkan peraduan mengarang sajak Tamil dari semasa ke semasa sejak tahun 2001 (Govindan, N. N. 2005).

Seterusnya, Perwakilan Agama Hindu Universiti Kebangsaan Malaysia turut memberi sumbangan ke arah perkembangan sajak Tamil dalam kalangan pelajar dan pengkarya sajak Tamil. Persatuan ini telah menerbitkan antologi sajak Tamil pertamanya berjudul *Kūvat Tuṭikkum Kuyilkaḷ* pada tahun 1990 dalam bentuk manuskrip tulisan tangan. Usaha ini dimulakan oleh N. Patchaibalan. Selepas satu tempoh yang lembab, usaha ini diteruskan lagi. Antologi berjudul *Cirai Mīṇṭa Cirpaṇkaḷ* (1997) dan antologi cerpen dan sajak Tamil berjudul *Uravātum Uṇarvukaḷ* diterbitkan pada tahun 1998. Mulai tahun 1999, perwakilan ini telah mula menganjurkan peraduan mengarang sajak dan cerpen Tamil dan hasil karya tersebut terus diterbitkan dalam bentuk antologi. Antologi tersebut adalah berjudul *Viṭiyalai Nōkkum Viḷutukaḷ* (2000), *Karai Tēṭum Alaika* (2001) dan *Mella Pēcum Mēkaṇkaḷ* (2002). Sehingga tahun 2004, persatuan ini pernah menerbitkan sebanyak tujuh buah antologi (Govindan, N. N. 2005).

Selain itu, pelajar-pelajar India dari Universiti Utara Malaysia telah menganjurkan peraduan mengarang sajak Tamil. Sebanyak 23 buah sajak telah dihasilkan dalam peraduan tersebut dan kesemua sajak tersebut diterbitkan dalam antologi berjudul *Kaṭārattut Pūkkaḷ* pada tahun 1992 (Murasu Nedumaran, 1997).

Seterusnya, usaha-usaha badan-badan bukan kerajaan turut membantu dalam perkembangan sajak Tamil. Kelab Bell Belia Tapah telah menganjurkan Seminar Sajak Tamil dan berjaya menerbitkan sebanyak tujuh buah antologi sajak Tamil. Antara tujuh buah antologi tersebut, lima buah antologi ialah hasil karya A.S. Francis dan dua buah antologi telah memuatkan sajak terbaik hasil penyajak tempatan (Murasu Nedumaran, 1997).

Di samping itu, sidang sajak Tamil yang diadakan sempena Persidangan Pertubuhan Penyelidikan Tamil Antarabangsa pada tahun 1987 merupakan suatu pengiktirafan kepada sajak Tamil Malaysia. Dalam sidang tersebut, sebanyak lima kertas kerja yang berkaitan dengan kumpulan sajak Tamil Malaysia telah dibentangkan dan kesemua kertas kerja tersebut dibukukan dengan judul *Malēcia Tamil Putukkavitai Karuttaraṅka Kaṭṭuraikaḷ* (Murasu Nedumaran, 1997).

Selain itu, Persatuan Penulis Tamil Malaysia turut memberi sumbangan besar ke arah perkembangan sajak Tamil Malaysia. Persatuan ini menganjurkan seminar pertama di Universiti Malaya pada 9 Mac 2000. Dalam seminar tersebut penilaian dan kritikan dibuat atas sajak-sajak Tamil yang diterbitkan selama tiga bulan dalam majalah dan akhbar di samping penyajak-penyajak terkemuka dari India seperti Kaviko Abdul Rahman, Irodu Tamilanban dan Cirpi Balasubramaniam turut dijemput bersama dalam seminar sajak pertama ini. Selepas itu, satu siri bengkel diadakan pada setiap tiga bulan untuk menilai dan mengkritik hasil karya sajak Tamil yang disiarkan selama tiga bulan dalam media cetak Tamil.

Di samping itu, para peserta seminar dan bengkel juga didedahkan teknik mengarang sajak Tamil (Punniavan, G. 2004). Dalam seminar sajak Tamil yang diadakan di Kluang pada tahun 2002, V. Sababathy telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Pengaruh Epik Dalam Sajak Moden”. Dalam kertas kerja tersebut, V. Sababathy telah menjelaskan teknik menggunakan pengaruh epik dalam penghasilan sajak Tamil. Selepas sesi pembentangan kertas kerja tersebut, ramai penyajak mencipta sajak Tamil berdasarkan pengaruh epik *Ramayana* dan *Mahabharata* (Punniavan, G. 2004).

Persatuan Penulis Tamil Malaysia telah berjaya mengadakan bengkel ini hampir di seluruh pelosok negara. Kertas kerja yang dibentang dan sajak-sajak Tamil yang dinilai dan dipilih sebagai hasil karya yang terbaik dalam setiap bengkel itu dijilidkan. Antara hasil karya yang diterbitkan dalam bentuk antologi ialah *Kaṭalōrak Kavitaikaḷ* (Mac, 2000), *Lumut Kaṭalōrak Kavitaikaḷ* (Jun, 2000), *Taiping Malaiyōrak Kavitaikaḷ* (Disember 2000), *Kēmaran Malaiyōrak Kavitaikaḷ* (Mac, 2001), *Malakkā Kaṭalōrak Kavitaikaḷ* (September, 2001) dan *Kluang Karuttaraṅku Kavitaikaḷ* (Punniavan, G. 2004).

Di samping itu, Persatuan Penulis Tamil Malaysia juga menganjurkan peraduan mengarang sajak Tamil tahunan sejak tahun 2002 untuk memperingati mendiang M.A. Elanchelvan yang merupakan bapa sajak Tamil Malaysia. Johan peraduan ini dihadiahkan pingat emas. Setiap tahun sebanyak 500 penyajak Tamil mengambil bahagian dalam peraduan tersebut (Murasu Nedumaran, 1997). Usaha-usaha persatuan ini memang menjadi katalis dalam perkembangan genre sajak Tamil di negara ini.



Persatuan Penulis Tamil Negeri Kedah memainkan peranan penting dalam perkembangan sajak Tamil Malaysia berbanding dengan persatuan penulis di negeri-negeri lain. Hal ini adalah kerana mendiang M.A. Elanchelvan yang merupakan bekas pengerusi dan G. Punniavan yang merupakan pengerusi semasa Persatuan Penulis Tamil Negeri Kedah ialah penyajak yang terkenal. Justeru, aktiviti-aktiviti mereka lebih tertumpu kepada genre sajak moden berbanding dengan genre puisi tradisional. Persatuan ini mengadakan bengkel bulanan (*Tiṅkaḷ Oru Tēṭal*) untuk mengadakan sesi kritikan sajak Tamil dan cerpen yang dikarang oleh penulis-penulis negeri Kedah. Persatuan ini juga telah menjemput penyajak-penyajak terkenal dari India seperti Metta (1998), Cippi Balasubramaniam (2000), Abdul Rahman (2000) dan Irodu Tamilanban (2000) untuk menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan dengan sajak Tamil (Punniavan, G. 2004).



Sementara itu, Pertubuhan Bertindak Guru-Guru Jembol telah menganjurkan Seminar Sajak Tamil di Bahau pada tahun 1998. Dalam seminar tersebut, antologi sajak Tamil berjudul *Nilā Cōru* telah dilancarkan. Pertubuhan ini juga menganjurkan Seminar Sajak Tamil di Seremban dan di Kuala Lumpur. Pertubuhan ini juga menerbitkan majalah *Aruvi* yang memuatkan sajak dan puisi Tamil Malaysia (Govindan, N. N. 2005).

Pada tahun 2004, Astro Vanavil telah menganjurkan peraduan mengarang sajak Tamil untuk memperingati bintang filem Tamil agung Sivaji Ganesan. Peraduan ini menawarkan hadiah-hadiah lumayan yang bernilai sebanyak RM25,000.00 untuk johan dan RM10,000.00 untuk naib johan (Murasu Nedumaran, 1997).



Sejak antologi pertama berjudul *Neruppupūkkal* karya M.A. Elanchelvan diterbitkan pada tahun 1977 sehingga sekarang sebanyak 150 buah antologi telah diterbitkan (Samikkanu Jabamoney, 2019). Dalam konteks ini, apabila kita mengambil kira usia sajak Tamil sejak sajak pertama bertajuk *Kālapattukukaḷ* ciptaan C. Kamalanathan disiarkan pada tahun 1964, sajak Tamil telah mencecah usia 66 tahun.

Walaupun sajak telah diiktiraf sebagai salah satu genre dalam kesusasteraan Tamil Malaysia dan memperlihatkan sedikit kemajuan dari segi kuantiti, namun dikatakan masih lemah dari segi kualiti penyampaiannya. Menurut Bairoji Narayanan (1987), seorang tokoh sajak dan puisi Tamil berpendapat bahawa sajak Tamil ciptaan tempatan masih mentah dalam mengemukakan persoalan-persoalan serta pemilihan dan penggunaan diksi sesuai di samping turut memperlihatkan ketandusan gaya bahasa. Beliau berpendapat bahawa penyajak-penyajak Tamil tempatan masih ketinggalan dari segi arus, kecekapan dan kreativiti penyajak Tamil Nadu, India.

Perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia amat berkait rapat dengan kemasukan kaum imigran India ke Malaysia. Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 berlaku penghijrahan masyarakat imigran India ke negara-negara jajahan British. Dalam pada itu, Malaysia ialah antara negara yang telah menerima buruh imigran India secara besar-besaran dari India (Sandhu, K.S. 1969). Beribu-ribu buruh imigran India telah dibawa masuk mulai tahun 1840-an untuk bekerja di ladang-ladang tebu, pada tahun 1870-an pula di ladang-ladang kopi dan pada 1890-an di ladang-ladang getah. Bilangan buruh ini telah meningkat daripada 75,000 orang pada tahun 1891 kepada 120, 000 orang pada

tahun 1901. Sebenarnya kebanyakan buruh India ini terdiri daripada kaum Tamil (Dandayudam, R. 2005).

Bilangan imigran India di Semenanjung Malaysia terus meningkat menjelang tahun 1900-an. Perkembangan ini semakin pesat dan pada tahun 1931 memandangkan jumlah imigran India di Negeri-Negeri Selat telah mencapai angka 132,277 orang, di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 379,996 orang dan di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu seramai 110,951 orang. Hampir 90% daripada kaum India ini berasal dari bahagian selatan India, iaitu wilayah-wilayah Tamil Nadu, Andhra Pradesh dan Malabar dan 80% daripada mereka adalah berketurunan Tamil yang menganuti agama Hindu (Sandhu, K.S. 1969).

Berikutan peningkatan kaum imigran Tamil ini, bahasa Tamil mula menapak di negara ini sejak awal abad ke-19. Perkembangan bahasa Tamil telah memberi laluan untuk memulakan kelas-kelas Tamil dan menubuhkan sekolah-sekolah Tamil di Malaysia. Kelas bahasa Tamil pertama dimulakan di *Penang Free School* pada tahun 1816 (Samikkanu Jabamoney, 2018). Kelas-kelas Tamil turut dimulakan di *Singapore Free School* dan Institut Pelajaran Singapura. Namun, kelas-kelas ini tidak kekal lama. Pada tahun 1859, bahasa Tamil diajar semula di dua buah sekolah Inggeris, iaitu Sekolah Malabar St. Francis Xavier, di Singapura dan di Trenquerah, Melaka. Sebuah sekolah Tamil khas untuk buruh ladang ditubuhkan di Nibong Tebal pada tahun 1872. Bermula dari tahun inilah usaha penubuhan sekolah Tamil terus berkembang dan sebanyak 122 buah sekolah Tamil telah ditubuhkan sehingga tahun 1922 (Samikkanu Jabamoney & Kingston, 2018).

Perkembangan pendidikan Tamil di Malaysia menyebabkan para pembaca bahan-bahan bacaan Tamil terus meningkat. Keadaan ini telah menyumbang kepada permulaan surat khabar yang menjadi medan perkembangan kesusasteraan Tamil. Oleh itu, sumbangan dan peranan akhbar Tamil dianggap sebagai faktor utama dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Pendidikan sekolah Tamil pula merintis jalan kepada kebangkitan genre-genre sastera (Dandayudam, R. 1998).

Seterusnya, perkembangan pendidikan Tamil dan kemasukan golongan berpendidikan Tamil dari India dan Sri Lanka serta perkembangan surat khabar Tamil telah menjadi katalis kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Sebenarnya, sejarah perkembangan surat khabar Tamil dan kesusasteraan Tamil sama-sama berusia seratus lima puluh tahun. Kesusasteraan Tamil Malaysia telah mencatatkan titik permulaannya apabila karya-karya puisi tradisional Tamil yang merupakan hasil sastera yang julung dalam arena sastera Tamil di Malaysia diterbitkan pada tahun 1887. Karya tersebut ialah kumpulan puisi tradisional hasil karya S. N. Sathasiva Panditar telah memuatkan *Vannai Antāti*, *Vannai Nakar Ūñcal*, *Cinkai Nakar Antāti* dan *Cittira Kavikal* (Subramani, S. 2005).

Dalam pada itu, novel merupakan genre kedua kesusasteraan Tamil Malaysia yang pernah diterbitkan. Pada tahun 1917, Vengkadaretnam mengarang dan menerbitkan novel Tamil Malaysia pertama yang berjudul *Karuṇāsāgaran* atau *Katalin Maṭci* (Murasu Nedumaran, 1997). Selanjutnya, cerpen merupakan genre ketiga yang hadir dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Pada tahun 1930, antologi cerpen yang berjudul *Navaraca*

Kata Mañcari: Ivai Inia Karpitak Kataikaḷ telah diterbitkan dan antologi ini merupakan antologi cerpen yang pertama dalam kesusasteraan Tamil Malaysia (Murasu Nedumaran, 1997).

Sementara itu, sajak merupakan genre keempat yang dihasilkan dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Sajak Tamil berjudul *Kālappartṭukaḷ* ciptaan C. Kamalanathan yang disiarkan dalam akhbar *Tamil Murasu* pada 21 Mei 1964 merupakan sajak yang pertama dalam kesusasteraan Tamil Malaysia (Govindan, N. N. 2005). Usaha penulisan kumpulan sajak N. Patchaibalan oleh C. Kamalanathan telah diteruskan oleh M.A Elanchelvan, Athikumanan, Rajakumari, M.Turairaj, Akkini N.Patchaibalan dan sebagainya. N. Patchaibalan seorang penulis yang terkenal dalam bidang penulisan sajak, cerpen dan karangan. Beliau telah menghasilkan tiga buah kumpulan sajak. Sajak-sajak ini banyak mengandungi unsur-unsur satira.

Di samping itu, satira ialah bahasa yang digunakan untuk menyindir sesuatu keadaan atau seseorang (Hawkins, Joyce M., 2008). Satira biasanya disampaikan dalam bentuk ironi atau sarkasme untuk menyindir, mengeji atau mencela seseorang. Bahasa sindiran yang mengandungi maksud tersirat dalam satira itu ditujukan kepada seseorang semata-mata untuk menyinggung seseorang secara halus atau dikias-kias dengan perkara yang lain. Sifat tidak suka berterus-terang menjadi amalan biasa dalam semua lapisan masyarakat kerana berpegang kuat pada prinsip untuk menjaga hati orang lain. Oleh sebab itu, seseorang penyajak menggunakan bahasa sindiran untuk menyatakan sesuatu yang



terbuku dalam hati, atau melepaskan perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu yang tidak menyenangkannya.

Dalam konteks ini, satira yang dikenali sebagai *aṅkatam* merupakan suatu bentuk bahasa sindiran yang sebatu dalam kesusasteraan Tamil serta suatu unsur terpenting dalam sajak Tamil (Ezilmutalvan, 1995). Unsur *aṅkatam* ini turut dibincangkan oleh pendeta Tolkappiyar dalam karyanya *Tolkāppiyam* pada kurun ketiga Sebelum Masehi lagi (Tamilannal, 2012). Oleh itu, pengkaji ingin meneliti dan mengenal pasti unsur-unsur satira yang terpapar dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan.



Satira ialah suatu pendekatan yang menggunakan bahasa yang halus dan tajam untuk menyindir, mencela atau mengeji seseorang atau sesuatu keadaan (*Merriam-Webster Online Dictionary*, 2020). Satira berperanan penting dalam masyarakat demokratik dan merupakan satu cara untuk membincangkan subjek-subjek yang sensitif atau terlarang. Oleh itu, tindakan pihak atau keadaan-keadaan tertentu yang mencetuskan keadaan genting dalam masyarakat harus dikritik secara halus demi memelihara keadaan harmoni dan kepentingan masyarakat itu sendiri di samping itu seseorang itu mesti memastikan agar tindakan mengkritik ini tidak mengancam ketenteraman dan keharmonian dalam sesebuah masyarakat itu. Oleh itu, penggunaan bahasa sopan dan sindiran halus berupa satira dalam sajak akan membantu menyedarkan golongan tertentu akan kesilapan atau kelemahan





tanpa menyakiti perasaan mereka. Justeru, pendekatan satira yang melibatkan penggunaan bahasa sopan dan sindirian halus merupakan strategi yang paling sesuai untuk mendekati tindakan seseorang atau sebarang keadaan sosial yang tidak menyenangkan seseorang penyair.

Seterusnya, satira ialah suatu pendekatan untuk mengetengah dan mendedahkan tabiat buruk, kebodohan, kekejaman atau kelemahan seseorang atau kumpulan manusia untuk mengecam dengan cara cemuhan, parodi, karikatur atau kaedah lain dengan niat untuk mencetuskan inspirasi sosial. Ahli leksikografi (penyusun kamus) Inggeris terkenal yang bernama Samuel John mentakrifkan satira sebagai puisi yang mengkritik kekejaman atau kebodohan (Elliot, Robert C. 1970). Para penyair didapati berusaha untuk memelihara kepentingan masyarakat dengan mengetengahkan kritikan halus di samping ingin memelihara kepentingan dirinya daripada golongan yang dianggap antisosial yang sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk menjaga kepentingan diri mereka. Dalam keadaan ini, satira sosial (*social satire*) memang memainkan peranan penting untuk menyindir golongan tertentu dalam masyarakat.

Di samping itu, hubungan antara para ahli sastera yang mengungkapkan satira dalam hasil karya mereka dengan pihak berkuasa adalah sangat halus, rapuh dan kompleks, iaitu sukar untuk menentukan sempadan hubungan itu dan akan meluntur pada bila-bila masa jika seseorang penyair melampaui batasan ini dengan menyinggung perasaan pihak pemimpin politik atau pemerintah kerajaan. Oleh itu, lazimnya para penyair menggunakan pendekatan kreatif ketika berdepan dengan tekanan sosial yang tercetus di sekelilingnya



dan undang-undang yang membelenggu kritikan terbuka. Para penyair mencuba cara retorik untuk mendekati sasaran mereka secara tidak langsung dan mengelakkan serangan langsung atas pihak berkuasa itu untuk mengelakkan pergesaran (Elliot, Robert C. 1970). Misalnya, para ahli satira terkenal seperti Horace dan Juvenal mengalami penderitaan yang luar biasa lalu Juvenal mengakhiri satira pertamanya dengan pengumuman bahawa beliau akan menulis hanya tentang orang yang sudah mati demi mengelakkan kekompakan dengan pihak berkuasa. Oleh itu, pada masa sekarang satira politik (*political satire*) digunakan untuk menyampaikan sindiran bergabung dengan tawa untuk mengelakkan tekanan pihak politik (Jonathan Gray, Jefferey P. Jones & Ethan Thompson, 2009).

Sementara itu, di negara-negara totaliter atau kuku besi, para ahli satira mungkin mengalami hukuman penjara, pengasingan, atau kematian. Di bawah keadaan yang melampau, sindiran terhadap perintah tidak dapat dipertikaikan. Begitulah keadaan semasa abad ke-20 di Kesatuan Soviet dan kebanyakan negara komunis lain. Osip Mandelshtam ialah contoh penulis satira yang begitu kritis terhadap Joseph Stalin dengan mengatur gerakan konflik dengan negara-negara dalam Soviet yang memuncak pada tahun 1938. Beliau telah ditangkap dan menimpa kematiannya dalam transit ke kem buruh. Oleh itu, para penyair menggunakan pendekatan kreativiti dengan menghasilkan satira yang dapat diterima oleh masyarakat termasuk pihak berkuasa di samping memperlihatkan pandangan tajam (Elliot, Robert C., 1970).

Sementara itu, dalam sistem demokrasi yang diamalkan pada hari ini, setiap individu berhak menuntut keadilan atas kritikan dan cemuhan yang dilemparkan atas

dirinya walaupun dirinya bersalah atau cacat-celahnya terbukti. Seseorang yang menyerang individu tersebut, terutama pihak yang berkuasa dan kaya, mungkin akan dikenakan tuntutan kewangan yang boleh membawa kerugian kewangan kepada diri penulis dan penerbit mereka. Oleh itu, para penyair lazimnya menggunakan satira yang ditujukan kepada seseorang untuk menyampaikan sindiran mereka.

Bahasa sindiran yang agak ketara dalam kesusasteraan Tamil dan merupakan suatu amalan semasa zaman *caṅkam* untuk menegur perlakuan negatif secara sopan dan humor (Kartik, A. 2017). Konsep satira ini dikenali sebagai *aṅkatam* dalam bahasa Tamil. Menurut Tamilannal (2012), Tolkappiyar mengutarakan dua bentuk *aṅkatam*, iaitu *cemporuḷ aṅkatam* dan *palikara aṅkatam*. *Cemporuḷ aṅkatam* ialah satira berbentuk sindiran langsung dan *palikara aṅkatam* ialah satira yang menyampaikan sindiran secara tidak langsung. Menurut Tolkappiyar *aṅkatam* ialah sindiran berhumor bersifat ironi atau sakastik (Tamilannal, 2012). Sindiran ini disampaikan supaya seseorang itu membuat refleksi diri setelah melakukan sesuatu tindakan yang kurang menyenangkan pihak lain. Tunjuk ajar ini diterapkan untuk membantu pihak berkenaan membetulkan kesilapan dengan mudah dan sopan. Teguran sedemikian ini dipercayai dapat membina tindakan positif dalam diri seseorang insan (Kartik, A. 2017).

Akhir sekali, satira ialah kritikan berbentuk lebih positif dan sering dinukilkan dalam bentuk karya penulisan, terutama puisi-puisi moden atau sajak untuk menyindir sesuatu secara langsung atau tidak langsung. Namun, sifat tidak suka berterus-terang menjadi amalan biasa dalam semua lapisan masyarakat kerana mereka berpegang kuat pada

prinsip menjaga hati orang lain. Oleh sebab itu, para penyajak menggunakan bahasa sindiran untuk menyatakan sesuatu yang terbuku dalam hati, atau melepaskan perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu yang tidak menyenangkan. Berikutan ini, para penyajak menggunakan satira untuk mengetengahkan perasaan hati atau kekusutan masyarakat secara langsung atau tidak berterus-terang di samping penuh hormat, sopan dan secara humor. Dengan menggunakan susun kata yang teratur serta bahasa yang beragam, sindiran ini dapat memainkan peranannya yang tersendiri dalam menyedarkan orang yang disindir itu (Kartik, A. 2017).

Secara ringkasnya, golongan individu dan masyarakat didapati lebih bersifat individualistik dan sifat kemanusiaan semakin luntur dalam kalangan mereka pada zaman moden ini. Manusia sedemikian sanggup melakukan apa-apa sahaja demi melihara kepentingan diri sendiri. Di samping itu, institusi sosial seperti kerajaan dan kepimpinan politik tidak lagi peka terhadap tuntutan rakyat dan terpesong daripada prinsip-prinsip tadbir urus (*governance*). Berikutan ini, semua kumpulan manusia ini perlu disindir dan diingatkan secara halus agar sedar akan kelemahan dan kebodohan masing-masing. Oleh itu, di sinilah timbul keperluan para pengkarya sastera, terutama penyajak Tamil menggunakan sajak sebagai wadah untuk menyampaikan sindiran halus di samping memastikan sindiran sedemikian tidak mengugat kebebasan individu dan kehormonian masyarakat. Justeru, pengkaji tertarik untuk mengkaji unsur-unsur satira dalam sajak kumpulan sajak N. Patchaibalan dan keberkesanan satira tersebut dalam menyampaikan kritikan dan mencetuskan kesedaran.

1.4 Objektif Kajian

Pengkaji memilih kumpulan sajak *En Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan untuk meninjau unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak tersebut. Oleh itu, kajian ini menjurus kepada objektif-objektif berikut:

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak *En Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan.
- ii. Menganalisis motif penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak *En Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan berdasarkan teori aṅkatam yang dipelopori oleh Tholkappiyar.
- iii. Menghuraikan sebab penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak *En Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khusus kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan, Antaranya:

- i. Apakah unsur-unsur satira yang digunakan dalam kumpulan sajak *En Kanavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan?

- ii. Bagaimanakah unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak *En Kanavukaḷum Koñcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan digunakan berdasarkan teori aṅkātām yang dipelopori oleh Tholkappiyar?
- iii. Apakah sebab penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak *En Kanavukaḷum Koñcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan?

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian sastera mempunyai kepentingan tersendiri. Begitu juga dengan kajian pengkaji yang meneliti unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan.

Kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan untuk membantu mereka mengenali dan memahami unsur-unsur satira dan peranannya dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan.

Kajian satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan.

Selain itu, kajian ini turut dapat memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan untuk lebih mengenali kesusasteraan Tamil di Malaysia, terutama sajak Tamil dan hubung kaitnya dengan kehidupan bermasyarakat.



Kajian ini bertujuan untuk membantu memperkayakan tahap kehidupan manusia, terutama kehidupan peribadi individu dengan mengetengahkan kelemahan dan kebodohan mereka agar tercetus kesedaran untuk melakukan refleksi diri serta mengakui dan menerima kelemahan masing-masing.

Kajian ini turut dapat membantu perkembangan bidang politik di sesebuah negara, terutama apabila ucapan politik dan perbezaan pendapat dilarang. Oleh itu, kajian ini dapat menyedarkan para pembaca bahawa satira politik boleh digunakan sebagai wadah untuk memajukan hujah-hujah politik demi kepentingan bersama rakyat.



Hasil kajian ini turut dapat meningkatkan sifat kemanusiaan dalam kalangan pembaca dengan mencetuskan inspirasi sosial dalam kalangan pembaca menerusi satira sosial demi menuntut keadilan sosial untuk golongan teraniaya dan timbul sikap menentang sebarang penganiyaan terhadap manusia.

Hasil kajian ini juga dapat mengingatkan pihak berkuasa dan para pemimpin politik agar menerima sebarang kritikan dan cemuhan tentang kelemahan, kebodohan dan kekejaman mereka. Sekiranya mereka gagal menerima hakikat ini, akan lahir hasil karya berunsur satira yang dapat mencetuskan kemarahan rakyat.



1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan memberi fokus kepada tiga objektif kajian berdasarkan tajuk kajian yang berjudul ‘Unsur-unsur Satira dalam kumpulan sajak *En Kaṇavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan’. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti serta menganalisis motif penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak N. Patchaibalan mengikut teori aṅkatam yang diperolehi dalam Tholkappiyam dan menghuraikan sebab penggunaan unsur-unsur satira dalam kumpulan sajak *En Kaṇavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan.

05 Justeru, pengkaji telah memilih kumpulan sajak *En Kaṇavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* karya N. Patchaibalan yang banyak mengandungi unsur satira agar pengkaji dapat memberi fokus kepada objektif kajian. Berikutan ini, pengkaji telah membataskan teks kajian ini kepada kumpulan sajak *En Kaṇavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum* yang dihasilkan oleh penyajak N. Patchaibalan, seperti dalam jadual 1.1 di bawah ini.

Jadual 1.1

Kumpulan Sajak Tamil Karya N. Patchaibalan yang Dikaji

Bil	Antologi Sajak Tamil	Penulis	Tahun
1	<i>En Kaṇavukaḷum Koṇcam Kavitaikaḷum</i>	N. Patchaibalan	2009

Sehubungan ini, pengkaji telah memilih hasil karya N. Patchaibalan berdasarkan kepengarangan penyajak tersebut. Penyajak N. Patchaibalan merupakan penyajak profolik dan salah seorang penyajak Tamil terkemuka. Kebanyakan sajak yang telah dihasilkan

oleh beliau mengemukakan unsur-unsur *angkatam*. Justeru, pengkaji telah memilih kumpulan sajak N. Patchaibalan sebagai bahan kajian.

Dari segi teori kajian pula, pengkaji menggunakan teori *angkatam* yang dipelopori oleh Tolkappiyar. Teori *angkatam* ini disebut sebagai *angkatam* (*Tolkāppiyam*, 2010). Beliau membahagikan *angkatam* ini kepada dua bentuk, iaitu *ceporuḷ angkatam* dan *palikara angkatam*. *Ceporuḷ angkatam* bermaksud menyindir kesalahan seseorang secara terus terang. Manakala, *palikara angkatam* pula bermaksud menyindir kesalahan seseorang secara tidak langsung dan digunakan secara dua cara. Cara pertama ialah *pugaḷvathu pōl palippatu* bermaksud pujian berupa sindiran. Manakala, cara kedua pula ialah *palippatu pōl pugaḷvathu* bermaksud sindiran berupa pujian (Tamilannal, 2012).

Dalam kajian ini, unsur *angkatam* ini dikaji berdasarkan kedua-dua bentuk *angkatam*, iaitu *ceporuḷ* dan *palikara angkatam* kerana menepati konsep satira yang membawa maksud tindakan menyindir, mencemuh atau mengeji seseorang secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, Teori *angkatam* Tolkappiar dalam kajian ini merujuk kepada *ceporuḷ angkatam* dan *palikara angkatam*. *Palikara angkatam* merangkumi dua bentuk sindiran, iaitu *pugaḷvathu pōl palippatu* iaitu pujian berupa sindiran dan *palippatu pōl pugaḷvathu* sindiran berupa pujian (Tamilannal, 2012). Di samping itu, unsur satira ini dikesan melalui bahasa sindiran yang mencakupi bahasa ironi, sarkastik dan sinis. Selain itu, unsur satira itu diteliti dalam situasi individu dan masyarakat serta bidang politik.

Akhir sekali, memandangkan kajian ini berbentuk kajian kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan pelbagai data dan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Sementara itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis teks untuk menganalisis dan menghuraikan data yang diperoleh agar ketiga-tiga objektif kajian ini terjawab.

1.8 Sumber kajian

Seseorang penyelidik bergantung sepenuhnya kepada data untuk membuat huraian penyelidikan, penjelasan atau rumusan tentang persoalan yang dikaji. Secara umumnya, data ini dapat diperoleh daripada dua kategori sumber, iaitu data utama atau sumber primer (*primary*) dan data kedua atau sekunder (*secondary*).

1.8.1 Sumber Primer

Menurut Abdul Halim Ali (2019), data primer ialah data atau maklumat yang diperoleh secara langsung daripada sumber bahan utama. Untuk kajian jenis kepustakaan, sumber utama data ialah teks atau dokumen utama yang dijadikan bahan kajian. Dalam kajian ini, sumber utama data ialah kumpulan sajak *En Kanavukalum Koñcam Kavitaikaḷum* hasil karya N. Patchaibalan. Kumpulan sajak *En Kanavukalum Koñcam Kavitaikaḷum* ini dipilih sebagai teks kajian kerana *literary review* menunjukkan bahawa antologi ini banyak

mengadungi unsur-unsur satira berbanding dengan antologi lain. Di samping itu, sajak-sajak Tamil dalam antologi ini dihasilkan oleh penyajak yang berbakat (Govindan, N.N 2005).

Selain itu, teori *aṅkatam* yang diperolehi oleh Tolkappiar yang memandu kajian ini adalah terkandung dalam karya agung Tolkappiar berjudul *Tolkāppiyam* dihasilkan pada sekitar 300 Sebelum Masehi lagi. Dalam konteks ini, teks *Tolkāppiyam* anotasi Ilampuranar yang diterbitkan pada 2010 dan buku *Tolkāppiyarīṇ Ilakkiyak Kolkaikaḷ* karya Tamilannal (2012) ialah sumber teori *aṅkatam* Tolkappiar .

Pendeta Tolkappiar mengkategorikan *yappu* atau unsur bahasa kepada tujuh bentuk dan salah satunya ialah *aṅkatam* yang lebih dikenali sebagai satira. Tolkappiar mengkategorikan *aṅkatam* kepada dua bentuk, iaitu *cemporuḷ aṅkatam* dan *palikara aṅkatam* (Tamilannal, 2012). Oleh itu, sejajar dengan konsep satira, pengkaji akan mengumpul dan menganalisis data berdasarkan *cemporuḷ aṅkatam* dan *palikara aṅkatam*. *Palikara aṅkatam* merangkumi dua jenis sindiran, *pugalvathu pōl palippatu* (pujian berupa sindiran) dan *palippatu pōl pugalvatu* (sindiran berupa pujian).

1.8.2 Sumber Sekunder

Data sekunder atau kedua (*secondary*) merujuk kepada data-data yang digunakan untuk membantu melengkapkan penghuraian dan penjelasan yang dibuat berdasarkan data utama

yang dikumpulkan. Dalam kajian kepustakaan ini, pengkaji merujuk kepada buku-buku, kamus-kamus, ensiklopedia dan artikel untuk membuat rujukan tentang definisi konsep satira dan perkara-perkara berkaitannya.

Di samping itu, banyak buku berkaitan dengan konsep *ańgkatam* (satira) dan teori ańgkatam Tolkappiyar dirujuk agar dapat memahami dan menggunakan teori ini secara tepat dan berkesan dalam kajian ini. Di samping itu, pengkaji turut merujuk tesis, disertasi, artikel e-prosiding, artikel, jurnal dan buku-buku rujukan yang dapat membantu pengkaji dari segi ilmu pengetahuan, menentukan skop kajian dan menjadi panduan bagi menyiapkan tesis ini.

Di samping itu, pengkaji juga mengumpul dan menggunakan bahan-bahan dan data-data daripada buku-buku ilmiah, jurnal, artikel-artikel dan majalah-majalah sebagai sumber rujukan dalam menganalisis data-data berkaitan dengan ketiga-tiga objektif kajian ini. Secara ringkasnya, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan pelbagai sumber data sekunder secara luas untuk menjayakan kajian ini.

1.9 Definisi Conseptual

Konsep merupakan sesuatu elemen yang penting untuk mengenal pasti definisi atau tafsiran sesuatu perkara dalam beberapa dimensi. Pengertian konsep juga penting dalam kajian kerana bertindak sebagai platform kepada pengkaji mengenai apa-apa yang akan

dikajinya (Syed Arabi Idid, 1998). Sehubungan itu, pengkaji menjelaskan konsep satira dan sajak Tamil berasaskan pandangan para sarjana dan juga berdasarkan kehendak kajian semasa.

1.9.1 Satira

Menurut Hawkins, Joyce M. (2008) satira ialah gaya bahasa untuk mengetengahkan sindiran terhadap suatu keadaan atau seseorang. Seseorang pengkarya mengkritik, menghina, mengejek seseorang, konsep atau peristiwa dengan menggunakan satira. Satira ialah genre sastera berkomedie yang disukai oleh orang di seluruh dunia daripada semua budaya. Hakikat bahawa kewujudan tatabahasa berkaitan dengan satira yang ditakrifkan oleh Tolkappiyar dalam teksnya *Tolkappiyam* adalah bukti bahawa unsur satira ini juga turut tersentuh dalam kesusasteraan Tamil.

Satira (*satire*) ialah *aṅkatam* dalam bahasa Tamil. Konsep *aṅkatam* dalam karya *Tolkāppiyam* merujuk kepada bahasa sindiran (Tamilanal, 2012). Konsep *aṅkatam* atau satira ini adalah sangat popular dalam kesusasteraan Tamil dan merupakan suatu amalan sastera semasa zaman *Caṅkam* untuk menegur perlakuan negatif secara sopan dan humor (Kartik, A. 2017). Dalam konteks ini, *Caṅkam* ialah Akademia Bahasa Tamil yang mencakupi zaman kesusteraan klasik Tamil yang merangkumi tempoh masa abad ke-3 Sebelum Masihi hingga 300 Masihi dan puisi *ceyyuḷ*, iaitu puisi tradisional Tamil adalah amat popular ketika itu (Kaliaperumal, 1997).

Selain teks *Tolkāppiyam*, konsep *aṅkatam* turut dapat dikesan dalam teks-teks klasik zaman *Caṅkam*. Karya agung *Tirukkural* hasil karya Tiruvalluar turut mengetengahkan unsur *aṅkatam*. Dalam kuplet 130, Tiruvalluar menggunakan kata *katam* yang membawa maksud kemarahan secara tersirat. Di samping itu, Tiruvalluar turut menggunakan rangkai kata seperti *makkaḷē pōl kayavar* (kuplet 1071) bermaksud penjahat berupa manusia, *tēvar aṇaiar kayavar* (kuplet 1073) bermaksud penjahat sama seperti dewa dan *peritiṇitu pētaiyar kēṇmai* (kuplet 839) bermaksud persahabatan orang bodoh sungguh menggemirakan untuk mengetengahkan *aṅkatam* berupa kritikan yang terungkap dengan unsur lucu (Kartik, A. 2017).

Di samping itu, sebuah teks klasik *Puraṇānūru* turut memaparkan konsep *aṅkatam* yang ditengahkan oleh pendita tersohor Avvaiyar. Beliau menasihati raja yang bernama Thondaiman supaya tidak berperang. Namun, raja yang bongkak itu tetap mahu berperang dan mengajak Avvaiyar untuk melihat senjata-senjatanya. Ketika itu, Avvaiyar sambil bersenyum sinis melafazkan sebuah puisi yang mengandungi rangkai kata *kaṭiyuṭai viyaṇekaravvē* (*puranaanuru*-95) bermaksud hanya pameran senjata sahaja. Beliau secara tersirat menyatakan bahawa senjata-senjata itu sekadar alat-alat pameran yang tidak dapat mengalahkan musuhnya. Menerusi kata-kata itu, pendita Avvaiyar secara halus mengejek, mempersenda dan mengetawakan diri raja Thondaiman itu (Kartik, A. 2017).

Selanjutnya, sebuah teks klasik berjudul *Akaṇānūru* turut memaparkan unsur *aṅkatam* ketika wira dalam cerita itu ditegur akan perlakuan curangnya. Penyair merujuk diri wira sebagai *sērrunilai munaiya ceṅgkaṭ kāraṇ ārum ūrē* (*Akananuru*-46) yang

membawa maksud ketua kerbau, iaitu penyair menyamakan sifat wira dengan kerbau secara halus dan berhumor (Kartik, A. 2017).

Sementara ini, antara teks klasik Tamil, *Tolkappiyam* diakui sebagai teks klasik paling tua dalam kesusasteraan Tamil (Kamil Zvelebil, 1991). Tolkappiyar dalam teksnya *Tolkappiyam* dengan jelas menyatakan konsep dan hukum *aṅkatam*. Tolkappiyar menjelaskan *aṅkatam* sebagai *kūrriṭai vaitta kurippinān* bermaksud bercakap secara tersirat atau berhumor bercampur dengan sarkasm (Tamilannal, 2012). Seterusnya, Tolkappiyar turut menyatakan bahawa terdapat dua jenis *aṅkatam* dengan menyatakan,

அங்கதம் தானே அரித்தபத் தெரியின்
aṅkatam tāṇē ariltapat teriyin
செம்பொருள் கரந்து என இரு வனகத்தே
semporul karantu en iru vakaittē (Tholkappiyam-1381).

Baris-baris ini bermaksud *aṅkatam* adalah sesuatu sukar difahami dan terdapat dua jenis *aṅkatam*, iaitu *cemporuḷ aṅkatam* dan *palikara aṅkatam* (Tamilannal, 2012). Oleh itu, konsep *aṅkatam* memang sebatik dalam puisi Tamil dan pengkaji yakin bahawa tradisi sastera tersebut masih berterusan dalam sajak Tamil masa sekarang.

Dalam konteks sajak, satira berupa kata-kata sindiran yang mempunyai makna yang tersirat atau disampaikan secara langsung atau tidak langsung. Makna yang tersirat ini menyukarkan penginterpretasian makna sesuatu ujaran (Fazlina Mohd Radzi & Azahar Harun, 2019). Tolkappiyar turut menggunakan konsep *cemporuḷ aṅkatam* dan *palikara*

añgkatam yang menggunakan satira berupa gaya bahasa yang mengetengahkan sindiran secara langsung dan tidak langsung (Tamilannal, 2012). Selain itu, dalam tradisi barat terdapat tiga jenis bahasa sindiran iaitu ironi, sarkastik dan sinisme.

1.9.1.1 Bahasa Sindiran Jenis Ironi

Menurut Matthews, P.H. (2014), ironi ialah ungkapan bermakna seseorang yang menggunakan bahasa yang biasanya menandakan sesuatu yang sebaliknya dan lazimnya untuk mencetuskan keadaan lucu atau menegaskan sesuatu. *Merriam-Webster Online Dictionary* (2020) turut mentakrifkan ironi sebagai penggunaan kata-kata untuk menyatakan sesuatu yang sebaliknya dan bertentangan dengan makna literal. Seterusnya, Keraf (2007) menjelaskan bahawa ironi merupakan suatu acuan yang mempunyai makna yang berlainan daripada perkara yang terkandung dalam rangkaian kata-kata yang diujarkan oleh seseorang. Dengan ini, ironi difahamkan sebagai makna luaran dan maksud terkandung adalah tidak sama.

Di samping itu, ironi juga difahamkan sebagai bahasa sindiran bersifat halus, tetapi sebalik ujaran kata yang halus dan melucukan terkandung pula makna tajam. Misalnya, apabila seorang bapa menegur anaknya dengan mengatakan, “Syabas, awak telah merosakkan kamera baru saya!”. Dalam ujaran ini terdapat sindiran halus serta bersifat melucukan, namun ayah tersebut menyindir anaknya itu secara tersirat. Oleh itu, hal ini



menunjukkan bahawa ironi merupakan gaya bahasa yang menyatakan sesuatu secara bertentangan untuk menyindir secara tajam.

Selain itu, cara sesuatu ujaran itu disampaikan juga penting. Menurut Keraf (2007), cara sesuatu kata itu dibunyikan dan ungkapan disampaikan kemungkinan bersifat lembut atau adakala melucukan, namun orang yang disasarkannya bahasa sindiran jenis ironi akan terasa kesan dan nada sindiran bersifat tajam itu sama seperti dalam ujaran, “Syabas, awak telah merosakkan kamera baru saya!” kata bapa kepada anaknya. Oleh itu, ironi difahamkan sebagai kata-kata yang membawa maksud bertentangan dengan kata asal serta bersifat halus dan melucukan, namun membawa makna yang tajam dan menyindir seseorang.



1.9.1.2 Bahasa Sindiran Jenis Sarkastik

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (1993), sarkastik ialah kata-kata yang tajam dan pedas bersifat menyindir yang boleh menyakitkan seseorang. Menurut *Merriam-Webster Online Dictionary* (2020), sarkastik ialah pengucapan atau ekspresi yang tajam dan sering bersifat satira atau ironis yang mengetengahkan kecaman untuk menyakiti perasaan orang lain. Sementara itu, *Collins Online English Dictionary* (2020) pula, mentakrifkan sarkastik sebagai kata-kata diucapkan yang membawa maksud bertentangan dengan apa-apa yang dikatakan. Sarkastik biasanya bertujuan untuk mengejek atau menghina seseorang. Di samping itu, mengikut Keraf (2007), sarkastik merupakan penggunaan kata yang bersifat





keras dan kasar bertujuan untuk menyindir seseorang atau sekelompok masyarakat. Oleh itu, sarkastik difahamkan sebagai kata-kata, pengucapan atau ekspresi bersifat ironi yang membawa maksud berlawanan dengan apa-apa yang dilafazkan untuk mengecam, menghina atau menyakiti perasaan seseorang.

Menurut Keraf (2007), bahasa sindiran jenis sarkastik merupakan ujaran yang penuh cemuhan dan celaan. Kata-kata sarkastik itu bersifat keras dan kasar serta menyakitkan hati orang yang ditujukan itu. Penggunaan bahasa sarkastik yang kasar sering diujarkan ketika emosi seseorang tidak dapat dikawal dan berada dalam keadaan marah akibat sesuatu perkara. Sarkastik dianggap sebagai suatu acuan yang lebih kasar berbanding dengan sindiran jenis ironi.



1.9.1.3 Bahasa Sindiran Jenis Sinisme

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (1993), sinisme ialah gaya ujaran yang penuh dengan kecurigaan atau sikap meremehkan kejujuran dan moral seseorang. Selain itu, menurut *Merriam-Webster Online Dictionary* (2020), sinisme ialah kepercayaan bahawa secara umumnya manusia adalah mementingkan diri sendiri dan tidak jujur. Seterusnya, *Collins Online Dictionary* mentakrifkan sinisme sebagai perasaan curiga terhadap sikap atau kepercayaan orang lain. Di samping itu, mengikut Keraf (2007), sinisme ialah sindiran tajam bersifat ejekan dan kesangsian terhadap pernyataan, keikhlasan dan kejujuran seseorang. Tambahan pula, Caldwell (2011) menyatakan bahawa sinisme adalah reaksi





menyindir bersifat berani atau mengejek. Berdasarkan tafsiran dan pandangan tertentu, sinisme, iaitu sinis dapat dirumuskan sebagai sindiran tajam yang bercorak kecurigaan atau kesangsian terhadap kejujuran, keikhlasan, pandangan dan nilai-nilai moral seseorang.

Selain itu, sinisme juga dikatakan sebagai bahasa sindiran yang membawa ungkapan yang lebih kasar berbanding dengan ironi. Di samping itu, pengucapan atau ujaran sinisme ini bersifat mencari kesalahan orang lain dan bersifat mengejek dan menyindir orang. Selain itu, sinisme juga meremehkan nilai-nilai moral dan keikhlasan seseorang dengan mempersoalkan motif atau kelakuannya.



Putukavitai merupakan genre sajak Tamil yang dicipta secara bebas tanpa tertakluk pada hukum *yāppu* (bentuk dan peraturan). Kata *putu* atau *putucu* dalam bahasa Tamil bermaksud baru atau moden. Kata *kavitai* pula membawa maksud puisi. Oleh itu, istilah *putu kavitai* membawa maksud sajak moden. Selanjutnya, *putu kavitai* adalah diadaptasi daripada genre *poem* dari Barat, maka bentuk *putukavitai* dalam kesusasteraan Tamil adalah hampir sama dengan bentuk sajak dalam kesusasteraan Melayu. *Putukavitai* juga berbentuk bebas dan tidak terikat pada rima, bilangan baris dalam setiap rangkap dan bilangan suku kata dalam setiap baris puisi. Justeru, pengkaji menggunakan istilah sajak Tamil untuk merujuk kepada istilah *putukavitai* dalam kajian ini.



1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, satira adalah suatu bentuk gaya bahasa yang digunakan oleh para penyajak untuk menyindir sesuatu keadaan atau orang yang tidak menyenangkan demi membawa perubahan positif. Kajian bertajuk ‘Unsur-unsur Satira dalam Sajak Tamil Malaysia’ ialah kajian kepustakaan yang berbentuk kualitatif. Kajian ini menerapkan Teori *aṅkatam* Tolkappiyar yang termuat dalam karya klasik berjudul *Tolkāppiyam*. Dalam teori *aṅkatam* Tolkappiyar, konsep satira dikenali sebagai *aṅkatam*. Oleh konsep *aṅkatam* membawa maksud sindiran secara langsung dan tidak langsung, pengkaji memandu kajian ini dengan menggunakan konsep *cemporuḷ aṅkatam* dan *palikara aṅkatam* yang mengungkapkan gaya bahasa sindiran secara langsung atau tidak langsung sejajar dengan konsep satira.

Selain itu, pengkaji juga membincangkan perkara-perkara asas untuk kajian ini. Pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi konsep tertentu agar kajian ini berjalan dalam landasan yang tepat dan tidak terpesong.